



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2020

**TATACARA PERMOHONAN PENUKARAN
PAKAIAN SERAGAM DAN PAKAIAN ISTIADAT
PEGAWAI KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN**

**JABATAN PERDANA MENTERI
2 DISEMBER 2020**

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun



**JABATAN PERDANA MENTERI
KOMPLEKS SETIA PERDANA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-8000 8000
Faks : 03-8890 2429
Laman Web : <http://www.istiadat.gov.my>

Ruj. Kami : BIUPA.300-2/6/1 Jld.9 (71)
Tarikh : 2 Disember 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2020

**TATACARA PERMOHONAN PENUKARAN
PAKAIAN SERAGAM DAN PAKAIAN ISTIADAT
PEGAWAI KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN**

TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan memaklumkan penetapan garis panduan berhubung tatacara penukaran reka bentuk, warna, komponen dan aksesori pakaian seragam dan pakaian istiadat bagi pegawai Kerajaan dan Badan Berkanun.

TAFSIRAN

2. Tafsiran bagi maksud Surat Pekeliling Am ini adalah seperti berikut:

2.1. Pakaian Seragam

Bermaksud semua bentuk baju, seluar dan kain yang dipakai oleh pegawai Kerajaan dan Badan Berkanun mengikut peraturan yang ditetapkan berhubung kelayakan kecuali pakaian korporat berdasarkan surat edaran Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 7 Disember 2012 (SK.6/2012)(47).

2.2. Pakaian Istiadat

Bermaksud pakaian khas untuk pegawai Kerajaan dan Badan Berkanun yang layak memakainya bagi menghadiri majlis rasmi beristiadat.

2.3. Komponen dan Aksesori

Bermaksud apa-apa barang untuk dipakai pada pakaian seragam yang tanpanya pakaian seragam itu dianggap sebagai tidak lengkap.

LATAR BELAKANG

3. Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Persekutuan pada 19 Disember 1982 telah memutuskan bahawa perlu ditubuhkan sebuah jawatankuasa bagi membuat penyelarasan mengenai pewujudan pakaian seragam untuk pegawai Kerajaan dan Badan Berkanun. Sehubungan dengan itu, Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 1983:

“Penyelarasan Pakaian Seragam Pegawai Kerajaan dan Badan Berkanun” telah dikeluarkan dan diguna pakai oleh Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun sebagai garis panduan untuk mengemukakan permohonan bagi mewujudkan atau menukar reka bentuk, warna serta komponen pakaian seragam sedia ada. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2016 bertarikh 31 Mac 2016 telah dikeluarkan bagi tujuan penambahbaikan Surat Pekeliling sedia ada.

Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2016 juga telah dikaji semula dan ditambahbaik dengan perubahan kepada Tatacara Permohonan Penukaran Pakaian Seragam dan Pakaian Istiadat Pegawai Kerajaan dan Badan Berkanun.

JAWATANKUASA

4. Ahli-ahli Jawatankuasa Pakaian Seragam dan Pakaian Istiadat terdiri daripada Kementerian/Jabatan seperti berikut:
 - i. Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri;
 - ii. Jabatan Perkhidmatan Awam;
 - iii. Kementerian Kewangan Malaysia;
 - iv. Angkatan Tentera Malaysia;
 - v. Polis Diraja Malaysia;
 - vi. Jabatan Penjara Malaysia; dan
 - vii. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

5. Pengerusi dan urus setia bagi jawatankuasa ini adalah Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa ini boleh menjemput mana-mana

Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun yang berkaitan untuk turut hadir sekiranya diperlukan.

6. Terma rujukan jawatankuasa ini adalah untuk menimbang, melulus dan memberi maklum balas terhadap mana-mana permohonan penukaran pakaian seragam dan pakaian istiadat dari segi reka bentuk, warna, komponen dan aksesori.

TATACARA PERMOHONAN

7. Tatacara permohonan penukaran pakaian seragam dan pakaian istiadat pegawai Kerajaan dan Badan Berkanun adalah seperti berikut:

7.1. Permohonan Penukaran Reka Bentuk, Warna, Komponen dan Aksesori

Kementerian/Jabatan/Agensi/ Badan Berkanun yang berhasrat membuat permohonan penukaran reka bentuk, warna, komponen dan aksesori pakaian seragam/pakaian istiadat perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pengurusan tertinggi Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun. Seterusnya, permohonan hendaklah dihantar kepada Bahagian Dasar Saraan, Kementerian Kewangan Malaysia (untuk mendapatkan kelulusan sekiranya permohonan penukaran reka bentuk, warna, komponen dan aksesori melibatkan implikasi kewangan).

Dokumen-dokumen seperti berikut perlu dihantar kepada Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa

untuk pertimbangan Jawatankuasa Pakaian Seragam dan Pakaian Istiadat:

- Dokumen permohonan penukaran reka bentuk, warna, komponen dan aksesori;
- Salinan surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (sekiranya berkaitan); dan
- Salinan surat kelulusan kelayakan pemakaian Kemudahan Pakaian Seragam daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pihak Kementerian/Jabatan/Agensi/ Badan Berkanun boleh merujuk kepada carta alir seperti di **Lampiran A** sebagai panduan.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

TARIKH KUAT KUASA

9. Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMBATALAN

10. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Am ini, Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2016 adalah dibatalkan.

PERTANYAAN

11. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling Am ini boleh berhubung dengan:

Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa
Jabatan Perdana Menteri
Aras 5-6, Setia Perdana 3
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA

No. Tel. : 03-8000 8000
No. Faks : 03-8890 2429
Emel : webadmin@istiadat.gov.my

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI)
Ketua Setiausaha Negara

2 Disember 2020

**CARTA ALIR
PERMOHONAN PENUKARAN PAKAIAN SERAGAM DAN PAKAIAN ISTIADAT
BAGI PEGAWAI KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN**

